

20/02/2001

Keputusan rayuan Anwar saman Dr Mahathir Jumaat

KUALA LUMPUR, Isnin - Mahkamah Persekutuan di sini hari ini diberitahu, hakim perbicaraan betul dalam keputusannya apabila membatalkan saman malu Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Peguambela Dr Mahathir, Datuk Mohd Adnan Shuib berhujah berdasarkan kepada fakta kes saman itu dibatalkan kerana tuntutan Anwar terhadap Perdana Menteri jelas tidak boleh dipertahankan.

Katanya, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi betul dalam keputusannya bahawa pembelaan perlindungan bersyarat dan wajar adalah jelas boleh dikemukakan oleh Dr Mahathir terhadap tuntutan itu.

"Keputusan kedua-dua mahkamah itu dibuat berdasarkan kepada prinsip am undang-undang fitnah yang diterima pakai oleh pihak terbabit, termasuk Mahkamah Persekutuan.

"Oleh itu, tidak timbul perkara baru undang-undang membabitkan kepentingan awam berikutan keputusan untuk membenarkan Anwar mengemukakan rayuan terhadap penghakiman mahkamah itu," katanya.

Mohd Shuib mengemukakan hujah balasan itu terhadap permohonan Anwar untuk mendapat kebenaran Mahkamah Persekutuan mengemukakan rayuan mengetepikan keputusan Mahkamah Rayuan serta Mahkamah Tinggi.

Ketua Hakim Negara, Tan Sri Mohd Dzaiddin Abdullah, yang bersidang bersama Hakim Besar Malaya, Tan Sri Wan Adnan Ismail dan Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Abdul Malek Ahmad menetapkan Jumaat ini untuk keputusan.

Anwar menerusi peguam bela Karpal Singh mengemukakan tiga persoalan undang-undang untuk diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan.

Pada 9 Disember tahun lalu, tiga panel hakim yang diketuai Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim sebulat suara menolak rayuan Anwar terhadap keputusan Mahkamah Tinggi membatalkan saman terbabit, dengan kos.

Dua hakim lain yang mendengar kes itu ialah Datuk Mokhtar Sidin dan Denis Ong Jiew Fook.

Anwar, 54, merayu terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Dr R KNathan membatalkan saman malu itu selepas membenarkan permohonan Dr Mahathir untuk membatalkannya.

Nathan membatalkan saman itu dengan kos dengan alasan bahawa ia remeh, menyakitkan hati dan menyalahgunakan proses mahkamah.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu memfailkan samannya pada 25 Januari 1999 dengan mendakwa Dr Mahathir secara palsu dan dengan niat jahat bercakap kepada pemberita tempatan dan asing pada sidang akhbar di Jabatan Perdana Menteri, menuduh dia melakukan perbuatan tidak bermoral.

Anwar mendakwa, Dr Mahathir menuturkan perkataan itu dengan pengetahuan bahawa ia akan diterbitkan di dalam dan luar negara.

Dalam pembelaannya yang difailkan pada 22 Mac 1999, Dr Mahathir mendakwa beliau menuturkan perkataan itu selaku Perdana Menteri dengan perlindungan bersyarat.

Beliau berkata, perkataan itu dituturkan ketika perbincangan perkara mengenai kerajaan dan politik membabitkan Anwar serta ketidaksesuaiannya memegang jawatan itu dan selepas siasatan terhadap perkara itu dijalankan.

(END)